

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 2/2001**

---

**PERUBAHAN SYARAT NYATA DAN BEBERAPA PENEMUAN**  
**YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN HAKMILIK TANAH**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan tentang perubahan Penyeragaman Syarat Nyata dan beberapa penemuan yang terkandung dalam dokumen Hakmilik Tanah supaya selaras dengan Pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer.

2. Dokumen teks penyeragaman Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan beserta Pekeliling PTG Bil. 1/2000 telahpun diedarkan di semua Pejabat Tanah untuk digunakan oleh semua Pentadbir Tanah dalam melaksanakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer.

3. Di dalam dokumen teks yang diedarkan itu, beberapa perubahan dalam Syarat Nyata dan penemuan-penemuan dalam kes yang tertentu telahpun diubahsuai sebagaimana **Lampiran A**.

4. Oleh itu semua Pentadbir Tanah hendaklah menggunakan perubahan Syarat Nyata sebagaimana yang berkembar.

5. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

**t.t**

**( Dato' Hj. Md. Yusuf b. Noh )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA :**

Yang Amat Berbahagia/Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA :-**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN. 3269 JLD. 2 (56)**

**BERTARIKH : 21 MAC 2001**

LAMPIRAN A

**PERUBAHAN PENYERAGAMAN SYARAT NYATA DALAM  
PELAKSANAAN SPTB**

	<b>SYARAT NYATA ASAL</b>	<b>SYARAT NYATA BARU</b>	<b>PERUBAHAN SYARAT TERBARU</b>
A	Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hanya boleh digunakan untuk mendirikan sebuah bangunan daripada pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.	Rumah sesebuah (Banglow sahaja)	
	Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk tapak bangunan rumah teres daripada pelan yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu.	Rumah Teres sahaja	
	Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk tapak bangunan kediaman jenis sebuah daripada pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.	Rumah Bertingkat (kondominium, rumah pangsa, dan apartment)	Bangunan kediaman sahaja mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
	Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk bangunan kediaman jenis berkembar dua daripada pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.	Rumah Berkembar (Semi D)	
	Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hanya boleh digunakan untuk tapak stor dan lain-lain bangunan untuk kegunaan Pusat Kemajuan Peladang Semerak sahaja daripada jenis dan pelan yang diluluskan oleh Ketua Jajahan Pasir Puteh.	Rumah kakitangan	
B	Kelapa (Tembakau)  Mahang West Mahang Barat  Mahang East Mahang Timur	Kelapa sahaja  Mahang West  Mahang East (Timur)	Kelapa/Tembakau